



GARIS PANDUAN PERMIT IKLAN PAPAN TANDA / BILLBOARD

1. Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas ketahanan struktur dan tidak akan menyebabkan halangan pemandangan lalulintas.
2. Pemohon hendaklah menyelenggara papan tanda tersebut dengan sempurna dan memastikannya dalam berkeadaan baik (mengecat semula, mengganti atau membersihkan) serta tidak mencacatkan pemandangan sekeliling.
3. Pengawasan yang rapi perlu dilaksanakan semasa kerja-kerja ini dilaksanakan agar permukaan dan bahu jalan tidak rosak.
4. Tempoh pemasangan sehingga **Disember** tahun semasa.
5. Penyambungan lesen papan iklan mestilah dibuat **sebulan** sebelum tamat tempoh.
6. Sila catatkan nombor kelulusan **Jabatan Pelesenan dan Penjaja MPKj** sebelah kanan dibahagian bawah papan iklan yang dipamerkan **cth: (MPKj/CL/PT-70/2013)/ (MPKj/CL/BB-14/2006)**
7. Pemohon juga perlu menyediakan satu ruang untuk meletakkan motto **(KAJANG BANDAR PILIHAN UNTUK DIDIAMI)** di bahagian bawah papan iklan bagi tujuan mempromosikan Bandar Kajang.
8. Penggunaan bahasa dalam visual hendaklah mengutamakan bahasa Malaysia dan perlu lebih besar daripada bahasa lain seperti yang diperuntukkan di dalam **Undang-undang Kecil Iklan (MPKj) 2007.**
9. Penukaran visual baru yang hendak dipaparkan perlu dimaklumkan kepada pihak MPKj terlebih dahulu.
10. Pihak MPKj boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan perlu selagi dalam tempoh yang diluluskan atau tempoh lanjutan yang diluluskan.
11. Mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh MPKj dari semasa ke semasa.
12. Pihak MPKj boleh pada bila-bila masa menurunkan struktur dan papan iklan jika terdapat sebarang aduan atau pemohon gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh MPKj.